



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

HARIAN METRO  
15/9/2016 P. 35

# Islam bawa damai kepada manusia

Firman Allah bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).

"Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)."

**Ayat 13 daripada surah al-Hujurat** ini antara lain menekankan konsep taaruf atau perkenalan.

Hal ini supaya manusia saling mengenali antara satu sama lain serta memupuk persefahaman, sekali gus mengelakkan

permusuhan dan suasana huru-hara.

Islam adalah agama yang memberikan penekanan kepada perihai keamanan, kesejahteraan dan keselamatan.

Sungguh dikesali apabila Islam selalu mendapat gambaran salah, kesan daripada tindakan media Barat yang melaporkan bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan keganasan dan kekejaman.

Hakikatnya, Islam datang membawa mesej kedamaian dan kesejahteraan sesuai dengan maksud perkataan Islam itu sendiri.

Allah berfirman, maksudnya: "Dan jika dua puak daripada orang-orang beriman berperang, maka damaikanlah antara kedua-duanya.

"Jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah.

"Jika ia kembali patuh, maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil



**PEPERANGAN dan permusuhan antara manusia tidak mendatangkan kebaikan dan akhirnya hanya memusnahkan bumi yang indah ini.**

(menurut hukum Allah) serta berlaku adil kamu (dalam segala perkara), sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berlaku adil." (Surah al-Hujurat, ayat 9)

Islam dengan erti selamat atau sejahtera

boleh juga diperhatikan pada firman Allah dalam **surah Maryam, ayat 47** yang bermaksud:

"Nabi Ibrahim berkata: Selamat tinggallah ayah, aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu,

sesungguhnya Dia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsan-Nya kepadaku."

Ternyata, Islam adalah agama yang datang dengan mesej keamanan serta sentiasa menjamin keselamatan dan kesejahteraan, sesuai

dengan maksud perkataan Islam itu sendiri.

Jaminan keamanan diberikan oleh Islam bukan saja untuk manusia, bahkan untuk sekalian makhluk termasuklah flora dan fauna.

Dari sudut lain juga, Islam menekankan prinsip menjaga aib manusia. Bukanlah setiap kesalahan atau kesilapan seseorang perlu dijaja dan diviralkan, bahkan jika kesalahan itu bersifat peribadi, wajiblah untuk seorang Muslim menutupinya.

Setiap Muslim dan Muslimah bertanggungjawab mempamer dan menyebarkan Islam dengan konteks yang benar agar orang bukan Islam dapat melihat agama ini menerusi perspektif yang betul - melihat Islam sebagai agama membawa mesej keamanan dan kesejahteraan.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**